



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	28/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	JPNK		

BH Sabtu, 28 Ogos 2021

Nasional

19

8 hektar tanah hutan simpan kena tarah

Penceroboh disyaki penduduk Jeneri tebang balak tanam sawit

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengesan lapan hektar tanah ditarah oleh penceroboh di kompartmen 3, Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik, untuk ditanam dengan kelapa sawit.

Dalam serbuan pada jam 3.30 petang semalam, JPNK percaya perbuatan itu dilakukan penduduk Jeneri sejak tiga bulan lalu.

Pengarahnya, Muhamad Abdullah, berkata tiga lelaki berusia 30-an dilihat melarikan diri sebaik menyedari kehadiran ang-

gota penguat kuasa dalam serbuan itu.

"Pelbagai pokok balak antaranya meranti, tembaga, kelat, medang dan jelutong ditebang. Beberapa batang kayu yang diproses daripada pokok balak ditebang turut ditemui di kawasan hutan berkenaan.

"Selain itu, 320 pokok kelapa sawit yang baru ditanam turut dikesan di hutan berkenaan.

"Siasatan awal mendapati semua lelaki terbabit melakukan kegiatan itu pada hujung minggu dan hari cuti umum," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Muhamad berkata, kes akan disiasat mengikut Seksyen 81(1)(g) kerana penceroboh hutan simpan kekal dan Seksyen 47(1) kerana memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran.

Katanya, jika sabit kesalahan seksyen berkenaan masing-masing memperuntukkan denda tidak melebihi RM10,000 atau pen-



Kayu yang diproses daripada pokok balak ditebang ditemui di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik. (Foto ihsan JPNK)

jara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Sebagai tindakan awal, pasukan bertugas sudah mengambil tindakan memusnahkan pokok kelapa sawit yang ditanam.

"Laporan polis turut dibuat berkaitan tindakan memusnahkan tanaman itu," katanya.

Muhamad berkata, pihaknya merancang untuk menanam semula pokok hutan yang dimusnahkan di kawasan hutan itu menerusi program restorasi hutan.

“Pelbagai pokok balak antaranya meranti, tembaga, kelat, medang dan jelutong ditebang. Beberapa batang kayu yang diproses daripada pokok balak ditebang turut ditemui di kawasan hutan berkenaan”

Muhamad Abdullah,
Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

